

Sinar Harian 17/12/2013

3P bantu JAS pantau aktiviti pencemaran

TEMBILA - Pelancaran Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) berkesan dalam usaha Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan penguatkuasaan alam sekitar di negeri ini.

Pengarah JAS Terengganu, Roshadah Hashim berkata, anggota 3P yang dilantik di setiap kawasan Parlimen akan bertindak sebagai mata dan telinga kepada jabatan.

Menurutnya, mereka akan menyalurkan dan melaporkan maklumat berhubung kes pencemaran atau kerosakan alam sekitar di kawasan masing-masing.

"Program ini memberi kesan positif kepada JAS dalam menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan alam sekitar terjaga," katanya

pada Majlis Pelancaran 3P Peringkat Parlimen Besut di Kampus Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (Unisza), di sini.

Majlis disempurnakan Adun Kuala Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman.

Pada majlis itu, seramai 110 peserta mewakili pelajar dan kakitangan universiti berkenaan mendaftar diri sebagai anggota 3P.

Sementara itu, Tengku Zaihan memuji usaha yang dilakukan JAS Terengganu kerana menubuhkan sukarelawan sendiri membabitkan pelajar dan komuniti.

Menurutnya, penubuhan pasukan itu juga membantu meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar.



Tengku Zaihan (tengah) pada majlis pelancaran 3P Parlimen Besut di Unisza.